

**16/03/2015 - Majlis Penyampaian Surat Pemangkuan Pegawai Pembangunan  
Masyarakat Jabatan Kemajuan Masyarakat ( Kemas)**

*Bismillahir rahmanir rahim*

*Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,*

Salam Sejahtera, Salam 1 Malaysia dan Salam Transformasi.

YBhg. Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal  
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam

YBhg. Dato' Jalil bin Marzuki  
Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (Pembangunan)

YBhg. Dr. Ahmad Jailani bin Muhamad Yunus  
Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (Operasi)  
YBhg. Dato' Hassan bin Mohd Amin  
Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS)

YBhg Dato' Mohtar bin Mohd Ab. Rahman  
Pengarah Bahagian Perkhidmatan  
Jabatan Perkhidmatan Awam

En. Jamaluddin bin Mohd Kasbi  
Setiausaha Bahagian Kanan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah

YBhg. Dato'-Dato' / Tuan-tuan / Puan-puan / Saudara-Saudari sekalian,

1. *Alhamdulillah*, bersyukur kita ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya dapat kita bersama-sama hadir dalam majlis yang amat bermakna pada hari ini.

2. Sebelum saya berucap dengan lebih lanjut, setinggi-tinggi tahniah dan syabas saya ucapkan kepada semua pegawai yang akan menerima surat pemangkuan ke gred yang lebih tinggi pada hari ini yang terdiri daripada:

- (a) 2 pegawai Gred 54 ke Gred Utama C;
- (b) 3 pegawai Gred 52 ke Gred 54;
- (c) 9 pegawai Gred 48 ke Gred 52;
- (d) 8 pegawai Gred 44 ke Gred 48; dan
- (e) 20 pegawai Gred 41 ke Gred 44.

3. Sesungguhnya kenaikan pangkat ini merupakan pengiktirafan di atas prestasi cemerlang, usaha gigih dan komitmen saudara-saudari dalam menggalas tanggungjawab yang diamanahkan. Setiap penjawat awam yang komited dan cemerlang, pastinya mempunyai peluang kenaikan pangkat dimana asas utama yang dinilai adalah Merit, dan saya percaya komitmen, ketekunan serta kegigihan saudara-saudarilah yang menyumbang kepada kejayaan masing-masing.

#### **PERUBAHAN DAN FLEKSIBEL DALAM PEMIKIRAN DAN TINDAKAN**

4. Saya sering mengingatkan diri saya dan penjawat-penjawat awam yang saya temui dalam pelbagai forum, berkaitan dengan komitmen kita bersama untuk meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan supaya membantu memperkukuh dan meningkatkan daya saing negara.

5. Penjawat awam dituntut untuk menterjemahkan segala dasar yang dirangka oleh Kerajaan, kerana daya saing sesebuah negara bukan sahaja dinilai daripada kedudukan ekonomi, rangkaian infrastruktur dan kecekapan sektor swasta tetapi merangkumi keberkesanan dan kecekapan penyampaian perkhidmatan awam. Persekitaran masa kini yang dinamik menuntut penjawat awam memberikan perkhidmatan yang berkualiti tinggi dengan menitikberatkan kepantasan bekerja,

ketelitian dan akauntabiliti bagi menjayakan aspirasi *stakeholders* serta memenuhi keperluan pelanggan. Penjawat awam perlu membuat perubahan secara berterusan agar terus relevan dengan tuntutan semasa.

6. Kita perlu sentiasa melakukan pembaharuan dan fleksibel dalam pemikiran dan tindakan agar terus diberikan kepercayaan sebagai penasihat, penggubal dan pelaksana dasar-dasar kerajaan dalam pelbagai aspek. Kita tidak boleh lagi berada di takuk lama – *therefore the need to constantly challenge ourselves and challenge the status quo* – supaya kita terus relevan dengan peredaran masa dan perubahan persekitaran.

7. Saudara-saudari sekalian yang akan dinaikkan pangkat, janganlah mudah berpuas hati dengan apa yang telah dicapai. Janganlah selepas mendapat kenaikan pangkat kita menjadi leka dengan pencapaian yang ada. Memetik kata-kata daripada Mahatma Gandhi, *“The best way to find yourself is to lose yourself in the service of others”*, atau dengan kata lain, memberi fokus sepenuhnya terhadap penyampaian perkhidmatan yang terbaik kepada masyarakat.

#### **PERANAN KEMAS DALAM PEOPLE ECONOMY**

8. YAB Perdana Menteri dalam membentangkan Bajet 2015, telah menyebut mengenai Capital Economy dan People Economy. People Economy atau ekonomi keperluan rakyat, diberikan penekanan oleh Kerajaan kerana ia merupakan terjemahan hasil pertumbuhan ekonomi negara dalam bentuk kemudahan atau faedah yang memberikan impak secara langsung kepada rakyat. Dalam perkara ini, penyampaian perkhidmatan awam yang memenuhi kehendak rakyat merupakan salah satu pendekatan People Economy.

9. Peranan KEMAS dalam People Economy adalah penting kerana ia berinteraksi secara langsung dengan masyarakat desa untuk meningkatkan kompetensi masyarakat luar bandar supaya mampu berdikari untuk meningkatkan taraf kehidupan dari segi pendidikan, sosial dan ekonomi. **Anggota**

**KEMAS perlu sentiasa peka terhadap ekspektasi rakyat** yang kian meningkat akibat daripada akses kepada pelbagai maklumat hasil daripada kemajuan sistem teknologi komunikasi dan maklumat. Kerajaan perlu memastikan pembangunan negara sebagai sebuah negara maju menjelang tahun 2020 merangkumi seluruh lapisan masyarakat termasuk di kawasan luar bandar.

10. Dalam membantu KEMAS menangani cabaran sedia ada, baru-baru ini **Kerajaan telah meluluskan penstrukturan semula KEMAS**. Saya dimaklumkan bahawa kali terakhir penstrukturan semula KEMAS ialah pada tahun 2002. Melalui kelulusan penstrukturan semula ini, KEMAS memperolehi **tambahan perjawatan daripada 926 jawatan kepada 977 jawatan**. Seajar dengan kelulusan penstrukturan semula ini, Kerajaan menaruh harapan yang tinggi agar KEMAS meningkatkan usaha sebagai agen perubahan dan pembangunan masyarakat luar bandar. KEMAS juga diminta untuk **memperjelaskan dasar-dasar Kerajaan kepada rakyat khususnya mengenai GST** yang akan dilaksanakan tidak lama lagi iaitu pada 1 April tahun ini.

11. Saya dimaklumkan bahawa KEMAS telah memulakan usaha bagi tujuan tersebut. Setakat hari ini, seramai **193 orang Key Communicator KEMAS telah dilantik** sebagai agen menyampaikan maklumat kepada masyarakat luar bandar. Penerangan dan pemahaman masyarakat berhubung GST ini amatlah penting agar masyarakat tidak terpesong dengan maklumat yang tidak benar yang disampaikan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab.

12. Syabas dan tahniah kepada KEMAS. Inilah antara tugas penjawat awam iaitu bukan hanya sekadar melaksanakan tugas di pejabat, akan tetapi turun padang dan menyampaikan dasar-dasar kerajaan.

Saudara/saudari sekalian,

13. Hasrat Kerajaan adalah untuk membangunkan sektor perkhidmatan awam yang efisien dan dimana para penjawat awam turut menghayati serta memahami aspirasi Kerajaan. Ciri-ciri ini perlu wujud bukan sahaja di peringkat tertinggi dalam perkhidmatan awam, malah perlu diterapkan dan diamalkan di setiap peringkat perkhidmatan awam supaya menjadi suatu budaya kecemerlangan yang menyeluruh di dalam perkhidmatan awam.

### **KEPIMPINAN DALAM PERKHIDMATAN AWAM**

14. Selaku pemimpin di dalam organisasi masing-masing, **kita perlu mengutamakan pendekatan musyawarah.** Dalam memastikan keberkesanan sesuatu program atau projek dapat dilaksanakan dengan berjaya dan diterima dengan baik, kita hendaklah sanggup mencari jalan dan menerima idea yang terbaik dari semua pihak, sama ada di kalangan warga jabatan kita mahupun golongan sasaran yang menerima impak daripada pembangunan yang diusahakan.

15. Sebagai Ketua Jabatan atau pegawai kanan di agensi, saudara-saudari juga hendaklah **bertindak sebagai “mentor” kepada pegawai-pegawai bawahan** untuk membuat keputusan yang baik. Selain daripada prestasi kerja, **nilai integriti dalam diri seseorang pegawai awam juga adalah penting.** Nilai integriti menentukan sejauh mana kejujuran kita selaku penjawat awam dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab. Nilai dan etika kerja yang baik merupakan penyumbang utama ke arah pembentukan diri kita bukan sahaja dalam konteks sebagai penjawat awam, tetapi sebagai individu yang berkualiti dan memiliki keperibadian unggul.

### **PENUTUP**

16. Sebelum mengakhiri ucapan, saya ingin menyarankan agar kita bersama-sama menguatkan tekad, cekalkan semangat dan tingkatkan usaha melakukan perubahan – bukan sahaja perubahan dalam cara mengurus dan cara

menyampaikan perkhidmatan, malah juga perubahan sikap dan anjakan minda demi masa depan perkhidmatan awam dan negara yang gemilang. Sekali lagi, saya mengucapkan tahniah kepada saudara-saudari yang menerima surat pemangkuan kenaikan pangkat bagi menyandang jawatan-jawatan yang lebih tinggi dalam perkhidmatan awam. Harapan saya, agar pengiktirafan ini menjadi inspirasi kepada saudara-saudari untuk melaksanakan tugas dan amanah yang dipertanggungjawabkan dengan penuh komitmen, ikhlas dan berintegriti.

Sekian.

Wabillahittaufik

walhidayah

Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.